ILMU PERKASIHAN SEBAGAI SALAH SATU CABANG PERUBATAN MELAYU

Muhammad Nasiruddin bin Mohd Sobri
(Naseer Sobree)

ABSTRAK[1]

Tamadun Melayu merupakan sebuah tamadun yang kaya dengan pelbagai khazanah dari sudut kebudayaan, kesenian, bahasa, persenjataan, teknologi dan intelektual. Walau bagaimanapun, masih banyak khazanah tamadun Melayu yang belum dibongkar dan didedahkan kepada seluruh masyarakat, khususnya khazanah yang berbentuk intelektual. Sebahagian besar khazanah intelektual ini terkandung dalam manuskrip-manuskrip tua yang tersimpan di seluruh pelusuk dunia. Ilmu perkasihan adalah salah satu khazanah intelektual tamadun Melayu yang agak kurang dibicarakan secara serius, khususnya dalam dunia akademik masyarakat Melayu. Bahkan ilmu sebegini mungkin dianggap oleh sesetengah pihak sebagai ilmu yang sulit dan rahsia. Anggapan sedemikian adalah tidak wajar memandangkan peranan ilmu perkasihan sangat besar dalam memelihara kebahagiaan antara suami dan isteri, seterusnya menjamin kestabilan institusi kekeluargaan. Maka dengan itu, kertas kerja ini akan menyatakan secara umum mengenai ilmu perkasihan serta menunjukkan hubungan antara ilmu perkasihan dengan ilmu perubatan Melayu. Meskipun ilmu perkasihan menjadi sebahagian daripada ilmu perubatan Melayu, tetaplah ada keistimewaan ilmu perkasihan bilamana ia dijadikan sebagai sebuah disiplin ilmu yang berasingan yang menggabungkan beberapa ilmu lain selain ilmu perubatan Melayu.

Kata kunci: Ilmu perkasihan, seksologi, ilmu firasat, ilmu pengasih, perubatan Melayu.

1.0 PENGENALAN

Kamasutra merupakan sebuah karya tamadun India yang sangat terkenal dalam bidang ilmu perkasihan. Karya tersebut telah dikaji oleh banyak pihak di seluruh dunia. Namun tidak ramai yang sedar bahawa tamadun Melayu juga mempunyai karya-karya ilmu perkasihan yang sangat kurang dikaji secara serius dan ilmiah. Antara tokoh yang telah melakukan kajian ilmu perkasihan daripada manuskrip secara serius dan ilmiah ialah Dr. Harun Mat Piah. Beliau telah memulakan usaha menjejaki manuskrip-manuskrip Melayu yang membicarakan ilmu perkasihan sejak beberapa tahun yang lalu. Hasilnya, beliau telah menyenaraikan beberapa manuskrip yang mengandungi ilmu perkasihan. Beliau juga telah melakukan transliterasi bagi manuskrip-manuskrip tersebut. Selain itu, beliau melakukan analisis dan huraian terhadap karya-karya tersebut. Sebahagian besar hasil kajian beliau itu telah dimuatkan dalam karya terakhir beliau yang berjudul *Seksologi: Ilmu Perkasihan Melayu.* Meskipun karya beliau itu tidak sempat disiapkan sepenuhnya,

---

[1] Kertas kerja ini telah dibentangkan dalam program *Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2019* di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur pada 16 Oktober 2019.

penulis telah diamanahkan oleh beliau sendiri supaya menyempurnakan karya tersebut. Pada akhir-akhir hayatnya, beliau sangat aktif memberikan penerangan kepada masyarakat mengenai ilmu perkasihan melalui pelbagai program ilmiah.

Semangat dan usaha yang ditunjukkan oleh Dr. Harun Mat Piah seharusnya disambut dengan lebih banyak usaha untuk menggali khazanah-khazanah ilmu perkasihan dalam tamadun Melayu. Beliau patut dijadikan tokoh dan ikon pengkaji manuskrip kerana kesungguhan dan ketekunan beliau mengkaji manuskrip amat sukar dicari ganti. Anak-anak muda belia sewajarnya menceburkan diri dalam bidang ini supaya sentiasa ada pelapis yang akan mewarisi usaha ini. Keberanian beliau melakukan kajian manuskrip dalam bidang yang sangat jarang diteroka amatlah wajar dijadikan pembakar semangat untuk para pengkaji manuskrip. Bermula dengan kajian sastera, beliau meneruskan penerokaan ke dunia manuskrip perubatan Melayu. Setelah berjaya meletakkan asas dan dasar perubatan Melayu, beliau beralih ke bidang ilmu perkasihan, yang mana ia merupakan salah satu cabang dan kesinambungan perubatan Melayu. Sekiranya beliau dikurniakan umur yang lebih panjang, tentulah banyak lagi bidang lain yang akan beliau kaji dan teroka, insya-Allah.

2.0 KONSEP, ISTILAH DAN DEFINISI ILMU PERKASIHAN

2.1 CIRI-CIRI ISTILAH DAN DEFINISI YANG TEPAT

Pemilihan istilah untuk menggambarkan keseluruhan ilmu ini bukanlah sesuatu yang mudah. Menurut ilmu mantik, istilah dan definisi yang tepat mestilah memenuhi dua ciri penting iaitu:

1. Memasukkan kesemua perbahasan sesuatu perkara (*jāmiʿ*)
2. Mengeluarkan kesemua perbahasan yang tidak termasuk dalam sesuatu perkara (*māniʿ*)

2.2 CONTOH ISTILAH YANG TIDAK TEPAT

Istilah “ilmu jimak” sebagai contoh, hanya memasukkan topik perlakuan jimak dan mengeluarkan topik-topik lain yang sepatutnya dimasukkan juga seperti penjagaan organ seksual dan perawatan penyakit yang berkaitan dengan organ seksual. Maka penggunaan istilah ilmu jimak adalah tidak tepat untuk menggambarkan keseluruhan ilmu ini.

Ada juga yang menamakan ilmu ini sebagai “ilmu perempuan” (*ʿilm al-nisāʾ*). Istilah ini hanya merangkumi persoalan kaum wanita seperti bahagian-bahagian organ seksual, watak-watak perempuan dan penyakit-penyakit perempuan. Sedangkan kita maklum bahawa ilmu ini juga melibatkan persoalan-persoalan kaum lelaki. Jadi, istilah ilmu perempuan masih tidak dapat mewakili ilmu ini secara lengkap dan sempurna.

2.3 CONTOH ISTILAH YANG TEPAT

Berdasarkan dua ciri yang telah disebutkan, maka istilah yang lebih tepat untuk mewakili keseluruhan disiplin ilmu ini ialah “ilmu perkasihan” atau “ilmu seksologi”. Istilah itu lebih umum sifatnya berbanding istilah ilmu jimak dan ilmu perempuan, maka ia dapat merangkumi kesemua persoalan yang termasuk dalam ilmu ini. Untuk memastikan istilah ilmu perkasihan betul-betul menepati isi perbahasannya, perlulah didefinisikan istilah itu secara khusus sebelum meneruskan perbahasan yang lain. Ini kerana istilah perkasihan boleh disalah tafsir oleh masyarakat awam yang tidak mendalami ilmu perkasihan. Ilmu perkasihan boleh didefinisikan sebagai:

“Sebuah ilmu yang membahaskan hubungan antara suami dan isteri”

Hubungan antara suami dan isteri boleh dikhususkan kepada hubungan seksual yakni jimak. Hubungan tersebut terbahagi kepada tiga peringkat iaitu:

1. Sebelum wujud hubungan
2. Semasa wujud hubungan
3. Selepas wujud hubungan

Perbahasan lebih lanjut mengenai cabang-cabang ilmu perkasihan akan dinyatakan kemudian. Sekarang kita ingin melihat struktur perubatan Melayu secara umum, seterusnya kita lihat pula kedudukan ilmu perkasihan dalam perubatan Melayu.

3.0 STRUKTUR ILMU PERUBATAN MELAYU

3.1 DEFINISI PERUBATAN MELAYU

Para *ṭabīb* bersepakat bahawa yang dimaksudkan dengan ilmu perubatan (*ṭibb*) ialah:

“Ilmu yang dengannya dikekalkan sihat dan dihilangkan sakit”


3.2 KAEDAH PENGKELASAN PERUBATAN MELAYU

Ilmu perubatan Melayu merupakan suatu disiplin ilmu yang sangat besar dan merangkumi pelbagai topik. Meskipun dalam manuskrip-manuskrip perubatan Melayu tidak dinyatakan secara spesifik mengenai struktur dan klasifikasi ilmu perubatan Melayu, kita dapat menyusunnya dalam satu struktur yang sistematik berdasarkan kaedah pengkelasan yang digunakan oleh tokoh-tokoh perubatan muslim yang lampau seperti Zakaria al-Razi, Ibnu Sina dan Ibnu al-Nafis. Penggunaan kaedah pengkelasan tersebut boleh dilihat dalam beberapa kitab perubatan Melayu contohnya:

1. *Bustān al-Salāṭīn* karya Syeikh Nuruddin al-Raniri
2. *Ṭayyib al-Iḥsān* karya Syeikh Ahmad al-Fatani

3. *al-Raḥmah* karya Syeikh Abbas Kuta Karang
4. *Khazīnat al-Insān* karya Hakim Abdullah

Struktur perubatan Melayu yang dimaksudkan adalah seperti yang ditunjukkan dalam rajah berikut;



Rajah 1: Struktur ilmu perubatan Melayu

3.3 HURAIAN RINGKAS STRUKTUR ILMU PERUBATAN MELAYU

Ilmu perubatan Melayu terbahagi kepada dua cabang besar iaitu perubatan umum dan perubatan khusus. Perubatan umum ialah perbahasan mengenai dasar-dasar dan prinsip umum yang menjadi asas perubatan Melayu. Perubatan khusus ialah perbahasan mengenai ubat-ubatan serta penyakit dan rawatannya secara khusus.

Perubatan umum mengandungi dua pecahan iaitu ilmiah dan amaliah. Bahagian ilmiah membahaskan tajuk-tajuk teoretikal dan deskriptif, manakala bahagian amaliah membahaskan tajuk-tajuk praktikal dan preskriptif.

Bahagian ilmiah terdiri daripada empat pecahan iaitu kaji sihat, kaji sakit, kaji punca dan kaji tanda. Kaji sihat ialah perbahasan ilmiah yang melibatkan keadaan manusia yang sihat, ia merangkumi beberapa tajuk seperti empat unsur, empat cecair, empat mizaj, tiga bayu (*rūḥ*) dan tiga tenaga. Kaji sakit ialah perbahasan ilmiah yang melibatkan keadaan

manusia yang sakit, ia merangkumi beberapa tajuk seperti penyakit mizaj dan penyakit anggota. Kaji punca ialah perbahasan ilmiah mengenai punca bagi keadaan manusia, ia merangkumi beberapa tajuk seperti udara, makan minum, tidur jaga dan gerak diam. Kaji tanda ialah perbahasan mengenai tanda bagi keadaan manusia, ia merangkumi beberapa tajuk seperti nadi, kemih (urin) dan tinja.

Bahagian amaliah terdiri daripada dua pecahan iaitu kaji jaga dan kaji rawat. Kaji jaga ialah perbahasan mengenai kaedah mengekalkan kesihatan, ia merangkumi beberapa tajuk seperti penjagaan kanak-kanak, penjagaan orang dewasa dan penjagaan orang tua. Kaji rawat ialah perbahasan mengenai kaedah menghilangkan penyakit, ia merangkumi beberapa tajuk seperti pengurusan, pengubatan dan pertanganan.

Perubatan khusus mengandungi dua pecahan iaitu ubat-ubatan dan juga penyakit serta rawatannya. Ubat-ubatan ialah apa-apa bahan yang boleh digunakan untuk mengekalkan kesihatan atau menghilangkan penyakit, ia merangkumi ubatan tunggal dan ubatan gabung. Ubatan tunggal terdiri daripada galian, tumbuhan dan haiwan, manakala ubatan gabung ialah sebarang gabungan ubatan tunggal. Penyakit dan rawatannya ialah tajuk yang membahaskan jenis-jenis penyakit beserta kaedah merawatnya, ia merangkumi penyakit umum dan penyakit khusus. Penyakit umum ialah penyakit yang boleh menimpa seluruh badan secara umum seperti demam. Penyakit khusus ialah penyakit yang boleh menimpa sesuatu organ secara khusus seperti radang mata dan radang kulit.

Itulah huraian bagi setiap cabang perubatan Melayu secara umum. Jadi kita ingin melihat pula di manakah letaknya ilmu perkasihan dalam perubatan Melayu sehingga ia boleh dianggap sebagai salah satu cabang perubatan Melayu.

4.0 KEDUDUKAN ILMU PERKASIHAN DALAM PERUBATAN MELAYU

Tujuan utama kertas kerja ini ditulis adalah untuk menyatakan bahawa ilmu perkasihan adalah salah satu cabang ilmu perubatan Melayu, maka di sinilah akan dinyatakan kedudukan ilmu perkasihan dalam perubatan Melayu. Walau bagaimanapun, seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, ilmu perkasihan akhirnya menjadi satu disiplin ilmu yang berasingan dan digabungkan dengan beberapa ilmu lain sehingga ia boleh dianggap sebagai suatu ilmu yang berdiri sendiri.

4.1 ILMU KAJI JAGA SEBAGAI DASAR ILMU PERKASIHAN

Secara umumnya, kedudukan ilmu perkasihan dalam perubatan Melayu adalah di bawah tajuk ilmu “kaji jaga”. Jadi eloklah dinyatakan secara ringkas cabang-cabang ilmu kaji jaga yang lain. Ilmu kaji jaga merujuk kepada usaha mengekalkan kesihatan, atau boleh juga disebut sebagai usaha mencegah penyakit. Prinsip utama dalam kaji jaga ialah “penyamaan”, yakni proses menyamakan keadaan tubuh pada setiap masa, ini kerana tubuh mempunyai keadaan yang tertentu ketika sihat, maka keadaan itu perlu dipastikan sama supaya sihat itu sentiasa wujud. Berbeza dengan ilmu kaji rawat yang

menggunakan prinsip “pembezaan” di mana usaha yang dilakukan adalah untuk menghasilkan keadaan yang berbeza dengan keadaan sakit supaya tubuh kembali sihat.

4.2 PENJAGAAN UMUM DAN PENJAGAAN KHUSUS

Kaji jaga terbahagi kepada dua cabang utama iaitu penjagaan umum dan penjagaan khusus. Penjagaan umum ialah penjagaan kesihatan bagi kebanyakan manusia secara umum, lebih tepatnya ia merujuk kepada penjagaan kesihatan bagi orang dewasa sama ada lelaki atau perempuan. Penjagaan khusus ialah penjagaan kesihatan bagi golongan manusia yang tertentu berdasarkan aspek tertentu. Contohnya ialah aspek usia dan aspek musim. Dalam aspek usia terdapat dua pecahan utama iaitu peringkat sebelum dewasa dan peringkat selepas dewasa. Peringkat sebelum dewasa boleh dinamakan sebagai peringkat budak di mana ia merangkumi peringkat bayi, kanak-kanak dan remaja, manakala peringkat selepas dewasa boleh dinamakan sebagai peringkat orang tua. Dalam aspek musim, terdapat empat pecahan iaitu musim panas, musim bunga, musim sejuk dan musim luruh. Bagi negara yang tidak mempunyai empat musim secara jelas, penentuannya dibuat berdasarkan keadaan cuaca dari sudut sifat panas, sejuk, kering dan basah. Setiap peringkat umur dan musim itu mempunyai kaedah penjagaan kesihatan yang tersendiri.

4.3 ENAM PUNCA ASASI


Penjagaan umum mengutamakan pengurusan enam perkara penting. Enam perkara ini sebenarnya adalah punca bagi keadaan manusia yang mana ia menjadi topik dalam ilmu kaji punca. Enam perkara ini dinamakan “punca asasi” (*asbāb ḍarūriyyah*) kerana kesemua manusia yang normal tidak dapat lari daripada enam perkara ini. Enam perkara yang dimaksudkan ialah:

1. Udara
2. Makan-minum
3. Gerak-diam jasmani
4. Gerak-diam rohani
5. Tidur-jaga
6. Buang-tahan

Daripada keenam-enam ini, ilmu perkasihan berada di bawah tajuk “buang-tahan”. Yang dimaksudkan dengan buang-tahan ialah proses membuang sesuatu bahan supaya ia keluar daripada tubuh, atau menahan sesuatu bahan supaya ia tidak keluar daripada tubuh. Antara bahan yang biasanya dibuang-tahan ialah kemih dan tinja. Kemih sepatutnya dibuang mengikut proses semulajadi tubuh, yakni dibuang bilamana terasa ingin kencing. Kemih boleh ditahan dengan menahannya atas kemahuan sendiri, dan boleh dipaksa buang dengan menggunakan bahan-bahan pelawas kemih (*diuretic*). Tinja juga sepatutnya dibuang mengikut proses semulajadi tubuh. Tinja boleh ditahan dengan

menahannya atas kemahuan sendiri, dan boleh dipaksa buang dengan menggunakan bahan-bahan pelawas tinja (*laxative*).

Selain kemih dan tinja, bahan lain yang boleh ditahan-buang ialah air mani. Di sinilah letaknya kunci utama bagi ilmu perkasihan. Bermula dengan proses sekecil hajat mengeluarkan mani, kemudian proses mendapatkan medium mengeluarkan mani, akhirnya terhasillah suatu disiplin ilmu yang dinamakan ilmu perkasihan. Di sini menunjukkan bahawa pengeluaran mani bukanlah suatu perkara kecil yang boleh dipandang ringan. Pelbagai aspek perlu diambil kira seperti bilakah waktu mengeluarkan mani, dengan siapa boleh dikeluarkan, bagaimana cara ia dikeluarkan, bagaimana meningkatkan pengeluarannya dan apa yang perlu dilakukan setelah ia keluar. Proses mengeluarkan mani yang melibatkan suami dan isteri boleh dinamakan sebagai jimak. Struktur ilmu kaji jaga boleh dilihat dalam rajah berikut:



Rajah 2: Struktur ilmu kaji jaga

5.0 MANUSKRIP ILMU PERKASIHAN

Sumber utama ilmu perkasihan Melayu ialah manuskrip-manuskrip yang masih kekal dan disimpan di beberapa tempat sama ada di nusantara atau di luar nusantara. Buat masa ini belum dapat disahkan secara tepat berapakah jumlah sebenar manuskrip ilmu perkasihan yang masih terpelihara, ini kerana ilmu ini belum mendapat perhatian meluas dalam kalangan pengkaji manuskrip Melayu. Usaha-usaha mengesan dan menjejaki manuskrip ilmu perkasihan perlulah dilakukan oleh semua pihak yang sepatutnya, supaya sumber rujukan ilmu perkasihan menjadi lengkap dan cukup untuk membangunkan sebuah disiplin ilmu perkasihan yang sistematik tanpa meninggalkan sebarang topik yang berkaitan.

Menurut Dr. Harun Mat Piah dalam karyanya *Seksologi: Ilmu Perkasihan Melayu*, terdapat beberapa manuskrip Melayu yang telah berjaya dikenal pasti sebagai sumber ilmu perkasihan. Antara manuskrip yang telah beliau senaraikan ialah:

- MSS 218 Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)
- MSS 489 PNM
- MSS 495 PNM
- MSS 2905 PNM
- MSS 300 PNM
- MSS 686 PNM
- MSS 1292 PNM
- MSS 1584 PNM
- MS 119 Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- MS 546 Muzium Kesenian Islam Malaysia
- Kitab Tajul Muluk

6.0 SUMBER EPISTEMOLOGI ILMU PERKASIHAN

Setiap ilmu mempunyai sumber epistemologinya yang tersendiri, begitulah juga dengan ilmu perkasihan. Sebelum ini telah dinyatakan bahawa ilmu perkasihan adalah salah satu cabang ilmu perubatan Melayu, maka sudah tentulah ilmu perubatan Melayu menjadi salah satu sumber epistemologi ilmu perkasihan.

6.1 ILMU PERUBATAN MELAYU

Ilmu perubatan dapat dilihat dalam beberapa perbahasan ilmu perkasihan contohnya kaedah mengekalkan dara dalam MSS 300:

> Ini ubat orang tuha (tua) sudah beranak dapat pulang daranya. Maka ambil kulit jambu hutan dan buah cempaka besar, maka pipis lumat-lumat, bubuh air madu maka minum tiga pagi atau tujuh pagi dan masukkan ke dalam faraj perempuan itu, sembuh olehnya.

Kekal dara yang dimaksudkan di sini ialah keadaan faraj yang ketat dan sempit bagaikan anak dara. Kemungkinan besar bahan-bahan yang digunakan adalah bersifat pengkecut (*astringent*), maka berlakulah penyempitan faraj dengan asbab tersebut.

6.2 ILMU FEKAH

Selain itu, ilmu agama juga menjadi sumber epistemologi dalam ilmu perkasihan. Secara umumnya ilmu agama dibahagikan kepada tiga cabang utama iaitu tauhid, fekah dan akhlak. Dalam ilmu perkasihan, ilmu agama yang memainkan peranan utama ialah ilmu fekah dan akhlak.

Ilmu fekah dapat dilihat dengan jelas dalam perbahasan mengenai hukum-hakam berkaitan jimak. Dalam MSS 218 ada disebutkan:

> Dan sunat bahawa jangan disunyikan daripada jimak dengan isterinya di dalam tiap-tiap empat malam sekali, jika tiada uzur dan sunat apabila ia datang daripada pergi-pergian dan sunat jimak berselimut dengan satu selimut dan tidur keduanya di atas suatu hamparan dan demikian lagi sunat mengambil wuduk antara dua jimak dan demikian lagi sunat mengambil wuduk kemudian daripada jimak apabila hendak makan atau minum atau tidur.
>
> Dan makruh makan atau minum atau jimak pula atau tidur orang yang junub itu dahulu daripada membasuh zakarnya dan mengambil wuduk.
>
> Dan makruh atas suami menilik kepada faraj isterinya tatkala jimak atau lainnya dan menilik kepada batin faraj lebih keras makruhnya yang demikian itu [mewarisi] buta yang menilik atau buta anak atau buta mata hatinya.
>
> Dan makruh berkata-kata pada ketika jimak dan haram mengkhabarkan kelakuan yang hasil antara kedua laki isterinya.
>
> Dan lagi makruh pada malam permulaan bulan dan pada malam kesudahannya dan pada malam pertengahan bulan kerana sekalian itu syaitan hadir ia pada sekalian malam itu serta orang yang jimak maka jimak ia sertanya. Dan demikian lagi kata Imam al-Ghazali di dalam *Kitab Ihya Ulumiddin*: dan sedianya hal junub; tetapi jika mandi ia kemudian daripada jimak tiada mengapa.

6.3 ILMU AKHLAK

Ilmu akhlak pula terlihat dalam perbahasan mengenai adab-adab jimak seperti yang tercatat dalam MSS 2905:

> Sabda Rasulullah "Hendaklah kami beritahu akan peri tertib tatkala dekat dengan isteri yang halal". Maka sembah Ali, "Ya Rasulullah berapa syarat wati itu?" Maka sabda Rasulullah, "Atas delapan perkara. Pertama-tama adab, pada isteri yang halal; dan kedua, dengan ridanya; dan ketiga, adab masuk khatannya; dan keempat, adab tatkala ghalib; dan yang kelima, adab sama duduk; dan yang keenam, adab tatkala terbuka pintu syurganya; dan yang ketujuh adab tatkala inzalnya; dan kedulapan pada waktu malam".

6.4 ILMU FIRASAT

Ilmu firasat juga terlibat dalam ilmu perkasihan, khususnya apabila membicarakan watak-watak perempuan seperti yang tersebut dalam MSS 686:

> Adapun perempuan yang seperti tabiat unggas itu iaitu sentiasa ia bertudung dirinya dan apabila datang suaminya [ditanyainya], "Dari mana engkau? Tiada engkau kasih akan daku. Adalah engkau kasih perempuan yang lain daripada aku."
>
> Adapun perempuan yang seperti tabiat singa itu iaitu apabila ada suaminya maka dimulailah perbantahannya serta katanya "Aku seorang diri kau tinggalkan di rumah dengan sakit-sakit, engkau pergi bermain-main seorang."
>
> Adapun perempuan seperti tabiat kambing itu iaitulah perempuan yang sebenarnya. Adalah padanya beberapa manfaat, dan adalah ia perempuan yang soleh, akan mengasih akan suaminya dan anaknya dan segala orang yang sempurna dan segala keluarganya. Dan adalah ia berbuat bakti akan Allah Taala dan akan suaminya. Maka sigianya segala hamba Allah Taala perempuan memperangai akan seperti perangai perempuan itu supaya adalah beroleh bahagia dunia dan akhirat.

6.5 ILMU PENGASIH

Ilmu pengasih turut memainkan peranan penting dalam ilmu perkasihan. Ilmu pengasih digunakan dalam dua cara. Pertamanya ia digunakan untuk membuatkan seseorang itu mencintai diri kita. Keduanya ia digunakan untuk membuatkan seseorang itu membenci orang lain selain diri kita, ia boleh juga dinamakan "ilmu pembenci".

Secara umumnya ilmu pengasih menggunakan kaedah perbomohan, yakni menggunakan jampi dan bacaan tertentu. Perlulah diingatkan bahawa perbomohan itu ada yang syar'i dan taksyar'i, maka berhati-hatilah dalam menilainya. Janganlah dihukum kesemuanya halal atau kesemuanya haram. Dalam MS 119 ada dinyatakan seperti berikut:

> Bab ini pengasih perempuan maka dijampi pada sirih pinang diberi ia makan, inilah doanya:
>
> Pinang siamang nung nang, sirih sepalang
> Kasih kapur sehunjur hati
> Tembakauku seperti rindu dendam
> Rindu dendam ia akan aku
> Kupandang rebah, kutilikkan jatuh
> Mukaku seperti bulan purnama empat belas hari
> Berkat Lailaha illallah Muhammad Rasulullah


Secara ringkasnya, sumber-sumber epistemologi bagi ilmu perkasihan ialah:

1. Ilmu perubatan Melayu
2. Ilmu fekah
3. Ilmu akhlak
4. Ilmu firasat
5. Ilmu pengasih

7.0 STRUKTUR ILMU PERKASIHAN

Ilmu perkasihan terdiri daripada beberapa ilmu seperti yang telah dinyatakan, namun itu hanyalah perbincangan secara terpisah-pisah bidang ilmunya. Maka wajar dibina satu struktur disiplin ilmu supaya ilmu perkasihan dapat dibahaskan secara sistematik dan tersusun. Pelbagai pendekatan boleh digunakan untuk mengkelaskan ilmu perkasihan, tiada aturan yang khusus dan tetap.


Walau bagaimanapun tentu ada kaedah tertentu yang paling relevan untuk menghasilkan struktur ilmu perkasihan. Maka dengan itu akan dinyatakan di sini satu bentuk struktur ilmu perkasihan yang boleh diguna pakai, namun ia masih terbuka untuk sebarang kritikan dan penambahbaikan. Berikut adalah struktur ilmu perkasihan yang dimaksudkan:



Rajah 3: Struktur ilmu perkasihan

Huraian dan contoh bagi setiap pecahan itu boleh dirujuk dalam manuskrip-manuskrip atau buku-buku ilmu perkasihan khususnya buku *Seksologi: Ilmu Perkasihan Melayu.* Jika dinyatakan kesemua itu di sini, tentulah kertas kerja ini akan menjadi terlalu panjang. Lagipun tujuan utama kertas kerja ini adalah untuk membuktikan bahawa ilmu perkasihan adalah salah satu cabang perubatan Melayu, bukannya untuk menghuraikan ilmu perkasihan secara mendalam dan teliti.

Sebagai renungan, sukalah dilampirkan di sini satu rajah yang sangat unik mengenai titik-titik jimak yang dinyatakan dalam kitab *Hukum Jimak* karya Ahmad bin Sulaiman Kamal Basya terbitan Darul Ma'arif tahun 1928. Rajah ini menunjukkan titik-titik pada faraj perempuan yang boleh dicapai dengan teknik-teknik tertentu.



Rajah 4: Titik-titik jimak

8.0 PENUTUP

Sebagai penutup, eloklah diringkaskan isi-isi penting dalam kertas kerja ini. Pertama, ilmu perkasihan ialah ilmu yang luas, ia tidak terhad kepada urusan jimak sahaja, bahkan ia merangkumi persoalan-persoalan sebelum dan selepas jimak. Kedua, ilmu perkasihan adalah cabang ilmu perubatan Melayu yang dikembangkan dengan menggabungkan beberapa ilmu lain. Ketiga, ilmu perkasihan dirujuk daripada manuskrip-manuskrip alam Melayu, maka dengan itu usaha mengkaji manuskrip-manuskrip tersebut perlulah dipertingkatkan supaya ilmu ini dapat disusun semula secara komprehensif dan sistematik.

RUJUKAN

Abbas Kuta Karang. Mohd Affendi Mohd Shafri (Rumi). 2017. *Al-Raḥmah fī al-Ṭibb wa al-Ḥikmah.* Akademi Jawi Malaysia, Kuala Lumpur

Ahmad bin Sulaiman Kamal Basya. 1928. *Ḥukum Jimāʿ.* Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang.

Asiruddin al-Abhari. Naseer Sobree (Terj.) 2016. *Īsāghūjī.* Baytul Hikma, Pulau Pinang.

Bukhari al-Jauhari. Khalid M. Hussain (Rumi). 1992. *Tāj al-Salāṭīn.* Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Hakim Abdullah. 2017. *Khazīnat al-Insān.* Akademi Jawi Malaysia, Kuala Lumpur.

Haliza Mohd. Riji. 2005. *Prinsip dan Amalan dalam Perubatan Melayu.* Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Harun Mat Piah & Naseer Sobree. 2019. *Seksologi: Ilmu Perkasihan Melayu.* Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Ibnu Qayyim al-Jauziah. 1433H. *Al-Ṭibb al-Nabawī.* Maktabat Dar al-Salam, Riyadh.

Ibnu Sina. Naseer Sobree (Terj.). 2016. *Oximel.* Baytul Hikma, Pulau Pinang.

Naseer Sobree. 2012. *Risalah Ilmu Perubatan*. Baytul Hikma, Pulau Pinang.

Nuruddin ar-Raniri. Naseer Sobree (Rumi). 2017. *Bustānus Salāṭīn, Bab Ketujuh Fasal Ketiga: Pada Menyatakan Ilmu Tashrīḥ dan Ilmu Ṭibb.* Baytul Hikma, Pulau Pinang.

Rogayah A. Hamid & Mariam Salim. 2006. *Kepustakaan Ilmu Tradisional.* Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Wan Ahmad bin Wan Muhammad Zain al-Fatani. Mohd Affendi Mohd Shafri (Rumi). 2018. *Ṭayyib al-Iḥsān fī Ṭibb al-Insān.* Akademi Jawi Malaysia, Kuala Lumpur.

15 Oktober 2019

LAMPIRAN

Setelah kertas kerja ini dibentangkan dalam program *Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2019* di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur pada 16 Oktober 2019, seorang peserta persidangan telah menanyakan soalan mengenai hukum penggunaan jampi, mantera, wafaq, azimat dan rajah. Kesemua itu saya namakan sebagai kaedah "perbomohan", yakni kaedah yang bersifat abstrak dan spiritual, bukan kaedah fizikal.

Maka saya katakan, secara umumnya, perbomohan itu ada yang syar'i dan taksyar'i. Adapun secara khusus, untuk menentukan perbomohan mana yang syar'i dan taksyar'i, maka para ulama berbeza-beza pendapat. Ada ulama yang agak ketat dalam hal perbomohan, dan ada juga yang agak longgar. Jadi akhirnya, hal ini kembali kepada kecenderungan masing-masing untuk memilih pendapat ulama yang mana satu.

Sebagai renungan, eloklah dinyatakan di sini satu petikan daripada kitab *al-Tibb al-Nabawi* yang ditulis oleh Ibnu Qayyim al-Jauziah. Beliau menulis seperti berikut:

كتاب للرعاف

كان شيخ الإسلام ابن تيمية رحمه الله يكتب على جبهته:

﴿ وقيل يا أرض ابلعي ماءك ويا سماء أقلعي وغيض الماء وقضي الأمر ﴾

وسمعته يقول: " كتبتها لغير واحد فبرأ "

فقال: " ولا يجوز كتابتها بدم الراعف كما يفعله الجهال، فإن الدم نجس، فلا يجوز أن يُكتب به كلام الله تعالى "

Terjemahan

AYAT UNTUK HIDUNG BERDARAH (EPISTAXIS)

Syaikhul Islam Ibnu Taimiah telah menulis pada dahinya:

وقيل يا أرض ابلعي ماءك ويا سماء أقلعي وغيض الماء وقضي الأمر

Dan aku mendengar beliau berkata: "Aku telah menulisnya pada orang lain, lalu ia sembuh."

Maka beliau berkata: "Tidak dibolehkan menulisnya menggunakan darah daripada orang yang berdarah hidungnya sepertimana yang dilakukan oleh orang-orang yang jahil, kerana darah adalah najis, maka tidak dibolehkan menulis Kalamullah Ta'ala menggunakannya."